

TARIKH	1 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	14	RUANGAN	NASIONAL

Tabung Haji sedia urus jemaah Bangsamoro

Kuala Lumpur: Malaysia sedia menawarkan khidmat membantu umat Islam Wilayah Autonomi Bangsamoro menunaikan haji melalui kendalian Tabung Haji (TH).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata kepakaran negara dalam menguruskan hal ehwal Islam amat diperlukan wilayah berkenaan.

Bantu urusan haji

“Mereka memohon kita bantu berhubung pelaksanaan ibadat haji. Saya memberi tawaran untuk mereka bekerjasama dengan TH.

“Untuk itu, mereka akan melawat TH bagi mendapat gambaran lanjut. Sama ada jemaah mereka boleh terbang terus dari wilayah itu, bergantung kepada kapasiti lapangan terbang mereka,” katanya.

Bercakap selepas mengadakan pertemuan dengan Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Mujivs Hataman di PWTC, semalam, beliau berkata, sama ada bantuan itu hanya membabitkan urusan penerbangan atau turut merangkumi urusan penginapan di Makkah bergantung kepada kemudahan yang disediakan.

Mengulas dakwaan pihak tertentu bahawa Masjid Ar-Rahman, Jalan Pantai Baru, di sini ditutup kerana menjadi markas pembangkang, Jamil Khir berkata, dakwaan itu tidak berasas kerana masjid terbabit sebenarnya dibaik pulih selepas peruntukan untuk tujuan itu diluluskan.